

30 NOV 2001

LEAD-Agong

YANG DI-PERTUAN AGONG KE-12 AKAN DIPILIH PADA 12 DIS

ALOR SETAR, 30 Nov (Bernama) -- Majlis Raja-Raja akan bermesyuarat pada 12 Dis depan untuk memilih Yang di-Pertuan Agong ke-12 dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata terpulanglah kepada majlis itu yang terdiri daripada sembilan raja Melayu memilih calon bagi kedua-dua jawatan itu.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan pemberita mengenai mesyuarat majlis itu. Beliau ditemui pemberita selepas melawat Kompleks Kelahiran Mahathir Mohamad di Jalan Kilang Ais, di sini.

Dr Mahathir berkata kalau mengikut giliran, Raja Perlis menjadi Yang di-Pertuan Agong yang baru tetapi ia bergantung kepada keputusan majlis itu.

Pemilihan Yang di-Pertuan Agong yang baru akan dilakukan berikutan kemangkatan Yang di-Pertuan Agong ke-11 Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 21 Nov lepas.

Ditanya sama ada kemungkinan sultan atau raja yang paling kanan akan dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong yang baru, Dr Mahathir berkata ia terpulang kepada Majlis Raja-Raja.

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata amat jarang sekali sultan atau raja yang sama memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong sebanyak dua kali.

"Ini kerana pusingan untuk calon yang sama menjadi Yang di-Pertuan Agong mengambil masa kira-kira 45 tahun," katanya.

Giliran untuk raja-raja Melayu menjadi Yang di-Pertuan Agong untuk penggal lima tahun masuk pusingan kedua tujuh tahun lepas dengan Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Jaafar Tuanku Abdul Rahman menyandang jawatan itu diikuti oleh Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dari Selangor pada 1999.

Daripada sembilan raja Melayu yang ada sekarang, lima iaitu Sultan Kedah, Sultan Pahang, Sultan Johor, Sultan Perak dan Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan telah menjadi Yang di-Pertuan Agong, manakala Sultan Kelantan, Sultan Terengganu, Raja Perlis dan Sultan Selangor yang pernah memegang jawatan itu telah mangkat dan kini diganti oleh anakanda-anakanda mereka.

-- BERNAMA

JM NMO AU